

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 NOVEMBER 2017 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	School sets another record for collecting 42,617 old books	Borneo Post
2.	7 Organisasi terima Anugerah SIRIM	Mingguan Malaysia
3.	Ubah persepsi masyarakat	Harian Metro
4.	MQA receives SIRIM anti-bribery award	New Straits Times
5.	Pulau Pinang lokasi kelembapan tinggi	Berita Harian
6.	Banjir terburuk dalam sejarah, babit semua daerah	Berita Harian
7.	D'yom Herbs luas pasaran	Sinar Harian
8.	Cuaca buruk terus melanda utara Semenanjung	Astro Awani
9.	Bantuan petani P Pinang, Kedah akan disegerakan	Berita Harian
10.	Amaran buat peruncit, pembekal barangan	Sinar Harian
11.	Thumbs up for twitter, says Cyber-Security Malaysia	Sunday Star

School sets another record for collecting 42,617 old books

PENAMPANG: SM St Michael has once again created a record in the Malaysian Book of Record (MBOR) when the school successfully collected 42,617 old books.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau said the school's achievement was the seventh and should be emulated by other schools.

He said the school carried out its MBOR project annually.

"The uniqueness of this implementation is the collaboration with the school's Parents and Teachers Association (PTA) with the school," he said in his speech at the launch of the 'Largest Old Books Collection Project' MBOR 2017. He was represented by Barisan Nasional (BN) Penampang chairman Datuk Donald Peter Mojuntin.

Madius also said the school had earlier set the 36,000 old books target but managed to supersede the goal.

The project started in June this year.

SM St Michael's PTA head Datuk Philip Lasimbang said the project involved 1,000 people, including students, teachers, parents and former students as well as community members.

Also present were the school principal Jennifer Asing and MBOR representative Muhammad Shukri Hairon Nahar.

KERATAN AKHBAR

MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12

TARIKH : 12 NOVEMBER 2017 (AHAD)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (baris depan, dua dari kanan) bersama Paul Low Seng Kuan (depan, lima dari kanan) dan penerima sijil penghargaan Skim Persijilan Sistem Pengurusan Anti-Bribery dalam Anugerah Kualiti SIRIM 2017 dalam Majlis SIRIM Industri 2017 di Hotel Dorsett, Subang Jaya, Selangor, malam semalam. - MINGGUAN/ GHAZALI BASRI

7 organisasi terima Anugerah SIRIM

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Sebanyak tujuh organisasi cemerlang menerima Anugerah Kualiti SIRIM 2017 dalam Majlis SIRIM Industri 2017 di Subang Jaya dekat sini, semalam.

Gamuda Berhad, TNB Janamangjung Sdn. Bhd. dan Malaysia Airports Sdn. Bhd. menerima anugerah bagi kategori pendapatan lebih RM100 juta.

Menara Kuala Lumpur dan Indkom Engineering Sdn. Bhd. pula memperoleh anugerah kategori pendapatan bawah RM100 juta manakala Lembaga Zakat Selangor dan Universiti Putra Malaysia (UPM) kategori agensi kerajaan.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan; Pengerusi SIRIM, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali dan Ketua Eksekutif Kumpulannya, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani.

Skim Persijilan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO 370001) yang menggariskan keperluan dan panduan dalam mengesan, mencegah dan bertindak balas terhadap gejala rasuah sejajar dengan keperluan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dilancarkan.



Ubah persepsi masyarakat



MAHMUD

Kuantan: Yayasan Pahang (YP) muncul organisasi pertama di Pahang menerima pengiktirafan Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah (ABMS) yang diguna pakai bagi mencegah gejala rasuah dalam organisasi berkenaan.

Sistem ABMS digunakan YP dan dibangunkan bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejak Mac lalu bagi memudahkan pemantauan dijalankan terhadap semua pegawai dan kakitangannya.

Pengurus Besarnya Datuk Mahmud Mohd Nawawi berkata, penggunaan sistem itu adalah rentetan daripada penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) sedia ada.

"Jika sebelum ini kami ada JITU bagi mencegah rasuah, melalui sistem ABMS ini, kami dapat melakukan pemantauan dengan lebih berkesan dan sistematik.

"Tujuan kami perkenalkan sistem ABMS untuk mengubah persepsi masyarakat yang sering melabelkan agensi Kerajaan Persekutuan atau negeri tidak berdaya saing dan terdedah amalan rasuah.

"Tanggapan ini perlu diubah dan kami percaya sistem ini dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap agensi kerajaan," katanya dalam sidang media di Kompleks Yayasan Pahang, di sini.

Sistem digunakan YP itu memperoleh Skim Persijilan ABMS ISO 37001:2016 daripada **SIRIM QAS International Sdn Bhd.**

Mahmud berkata, sistem itu menekankan usaha mengukur, mengekang dan menghalang perlakuan rasuah membabitkan siri pengukuran dan kawalan mewakili amalan baik anti rasuah peringkat global.

Katanya, walaupun sebelum ini mereka melaksanakan audit nilai secara dalaman dan luaran, ikrar integriti korporat dan pembudayaan nilai murni, sistem ABMS dilihat sebagai lebih sistematik.

"Kami melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pertukaran dalaman di jabatan berisiko terdedah rasuah setiap enam bulan sekali.

"Pencapaian ini sesuatu yang membanggakan, apatah lagi kami antara 11 organisasi pertama di negara ini dan pertama di Pahang selain Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Tabung Haji dan Jabatan Imigresen Malaysia menerima pengiktirafan seperti ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyampaikan penghargaan kepada Lembaga Pemegang Amanah YP dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob atas segala sokongan diberi terhadap usaha memartabatkan pendidikan anak Pahang.

NEW STRAITS TIMES

ESTABLISHED 1845

MQA receives SIRIM anti-bribery award



CYBERJAYA: The Malaysian Qualifications Agency (MQA) received the Anti-Bribery Management System Certification Scheme from SIRIM for its transparency in rendering its services to the people.

In saying this, Higher Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh said the recognition proved MQA, an agency under the ministry has observed and practiced high level of integrity in all of its programmes.

"The recognition proved that our agency is serious, transparent and sincere in conducting programmes and rendering services to the people.

"And we at the ministry, have always ensure that integrity is observed and practiced at all levels," he told reporters after flagging-off the MQA Run in conjunction with its 10th anniversary here, today.

MQA were among 11 organisations which received the award by **SIRIM QAS International** in collaboration with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the Association of Malaysian Certified Integrity Office.

The newly-launched Scheme is based on ISO 37001:2016 that outlines the need and provides guidance to organisations in detecting, preventing and responding to corrupt practices in line with the requirements of the MACC Act 2009, and other anti-bribery prevention laws.

Some 2,000 people participated in the three categories in the MQA run today; 5 kilometers (km), 10km and 15km. Runners also stood the chance of winning prizes worth more than RM20,000.

Also present were Deputy Higher Education Minister Datuk Dr Mary Yap, ministry's secretary-general Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur and Education Malaysia Global Service (EMGS) chief executive officer Profesor Datuk Dr Rujhan Mustafa.

On a separate issue, Idris said the ministry has halted and rejected foreign students' applications to study in Malaysia, for being involved in criminal activities.

"Through EGMS and with the cooperation with Home Ministry, we were able to trace students who are involved in various criminal activities.

"The Interpol is also extending its support in making sure foreign students who want to pursue their studies in Malaysia, are free from any criminal records."

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SOAL JAWAB) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 12 NOVEMBER 2017 (AHAD)

Pulau Pinang lokasi kelembapan tinggi

Hujan lebat dan air pasang yang melanda beberapa negeri utara Semenanjung baru-baru ini menjadi punca banjir. Di Pulau Pinang, ia adalah bahagian terburuk sejak 20 tahun lalu. **Wartawan BH Ahad, Mohd Nasaruddin Parzi dan Siti Sofia Md Nasir menemui bual Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Alui Bahari dan EXCO Kerajaan Tempatan, Lalu Lintas dan Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow** bagi memperincikan dari sudut cuaca, punca berlaku banjir itu dan langkah penyelesaian yang boleh diambil kerajaan Pulau Pinang.

Alui Bahari

S: Benarkah berlaku perubahan cuaca drastik di beberapa negeri utara ketika ini?

J: Kejadian hujan lebat yang berterusan di Pulau Pinang dan sebahagian Kedah pada 4 dan 5 November lalu adalah disebabkan oleh kehadiran kawasan tekanan udara rendah di utara semenanjung. Kawasan terbabit menjadi lokasi penumpuan angin dan kelembapan yang tinggi, menyebabkan hujan lebat berterusan berserta angin kencang. Untuk makluman, hujan lebat yang lebih teruk pernah berlaku di Pulau Pinang pada tahun 1995.

S: Berdasarkan ramalan JMM, apakah akan berlaku gelombang kedua di Pulau Pinang dan Kedah, yang memungkinkan banjir kilat berlaku terutama di Georgetown?

J: Negara masih lagi berada dalam tempoh peralihan monsun yang dijangka berakhir pada pertengahan bulan ini. Ketika fasa peralihan monsun, kejadian hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangka masa yang singkat serta angin kencang lebih kerap berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan terutamanya negeri-negeri di pantai barat, utara dan pedalaman semenanjung, utara dan barat Sabah serta tengah dan timur Sarawak.

Hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangkamasa yang singkat boleh menyebabkan banjir kilat di kawasan cenderung

banjir. Selepas fasa peralihan monsun berakhir, negara kita dijangka memasuki monsun timur laut atau musim tengkujuh bermula 13 November ini sehingga Mac 2018.

Sepanjang tempoh monsun timur laut pada tahun ini, sebanyak empat sehingga lima episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor pada November dan Disember ini. Manakala pada bulan depan dan Januari 2018, episod hujan lebat dijangka lebih tertumpu di barat Sarawak serta utara dan timur Sabah. Ketika monsun timur laut, hujan berterusan untuk tempoh sehingga tiga hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan-kawasan berkedudukan rendah dan kawasan cenderung banjir. Sekiranya hujan lebat berlaku serentak dengan kejadian air pasang, risiko kejadian banjir akan menjadi lebih buruk.

S: Apakah faktor utama yang menyebabkan perubahan cuaca ini berlaku?

J: Kejadian hujan lebat yang berterusan di Pulau Pinang dan sebahagian Kedah pada 4 dan 5 November lalu adalah disebabkan oleh kehadiran kawasan tekanan udara rendah di utara Semenanjung.

S: Ada dibangkitkan dalam sesi perbincangan di Dewan Rakyat oleh seorang Ahli Parlimen pembangkang kononnya pihak



Kawasan terbabit menjadi lokasi penumpuan angin dan kelembapan yang tinggi, menyebabkan hujan lebat berterusan berserta angin kencang

Alui Bahari,
Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia

JMM lewat mengeluarkan amaran cuaca atau hujan lebat.

J: Amaran pertama dikeluarkan oleh JMM berkaitan sistem tekanan rendah yang menyebabkan kejadian hujan lebat berterusan dan angin kencang di Pulau Pinang dan sebahagian Kedah pada 4 dan 5 November lalu adalah pada 1 November iaitu amaran hujan lebat peringkat kuning. Amaran ini membabitkan Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang di mana hujan berterusan dijangka berlaku pada 2 hingga 4 November lalu.

Hujan berterusan mula berlaku pada 2 dan 3 November di Kelantan dan Terengganu dan seterusnya beralih ke Perlis, Kedah dan Pulau

Pinang pada 4 November 2017. Berikutan keadaan hujan berterusan yang semakin lebat, amaran hujan lebat sudah ditingkatkan kepada peringkat jingga pada petang 4 November bagi Perlis, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Mengelak awal malam, intensiti sistem itu semakin meningkat dan JMM meningkatkan tahap amaran hujan lebat kepada peringkat merah untuk Pulau Pinang dan sebahagian Kedah. Setiap amaran hujan lebat dikeluarkan oleh JMM akan disebarkan kepada orang awam, media dan agensi yang terbabit dengan pengurusan bencana.

S: Bagaimana SOP dan platform digunakan JMM dalam me-



Keratan akhbar BH pada 6 November lalu



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SOAL JAWAB) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 12 NOVEMBER 2017 (AHAD)

Banjir terburuk dalam sejarah, babit semua daerah

Secara dasarnya, sistem saliran sedia ada memang tidak mampu untuk menampung jumlah air yang luar biasa."

Chow Kon Yeow,
EXCO Kerajaan Tempatan,
Lulu Lintas dan Tebatan
Banjir Negeri Pulau Pinang



nyampaikan dan menyediakan maklumat berkaitan cuaca di Malaysia untuk rujukan orang awam.

J: Amaran Cuaca Buruk yang dikeluarkan oleh MMD disebarkan kepada agensi-agensi pengurusan bencana dan media melalui SMS, e-mel dan faks. Manakala orang ramai boleh mendapatkan maklumat tersebut melalui laman web MMD iaitu www.mmd.gov.my, aplikasi mobil myt.uaca, media sosial Facebook (@malaysiamet) dan Twitter (@malaysiamet), perkhidmatan SMS 15888, MMD Hotline 1 300 22 1MET (1638) serta media cetak dan elektronik.

Chow Kon Yeow

J: Bagaimana Yang Berhormat melihat musibah banjir yang melanda Pulau Pinang pada 5 November lalu?

J: Banjir yang berlaku baru-baru ini adalah yang terburuk dalam sejarah Pulau Pinang. Pertama kali ia membabitkan semua daerah di Pulau Pinang, di mana ia tidak pernah berlaku sebelum ini. Bagaimanapun, daerah Seberang Perai Selatan kurang terjejas berbanding empat daerah lain, iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Timur Laut, dan Barat Daya, yang teruk dan sedang dalam proses pemuliharaan.

mulihan.

J: Difahamkan, punca utama banjir pada 5 November lalu adalah kerana perubahan cuaca. Selain faktor cuaca, apakah faktor lain yang menyumbang kepada banjir besar pada kali ini?

J: Hujan memang faktor utama kerana Pulau Pinang dilanda hujan luar biasa yang dipanggil 'hujan 100 tahun'. Pada 5 November itu, stesen hujan kita mencatatkan sehingga 372 milimeter (mm) dalam tempoh 15 jam. Ia bersamaan dengan jumlah hujan selama satu setengah bulan. Purata hujan normal dalam tempoh sebulan hanya 250 mm sahaja.

Selain hujan, air laut yang pasang sehingga tiga meter pada jam 1 pagi pada 5 November juga menyebabkan 'mereka bertembung' sehingga berlakunya banjir besar. Selain itu, Pulau Pinang turut dilanda ribut kuat dengan kelajuan angin sehingga 64 kilometer sejam atau bersamaan dengan 40 batu sejam. Ia menyebabkan banyak kejadian pokok tumbang di hampir 100 kawasan di Pulau Pinang.

J: Adakah sistem perparitan dan saliran di Pulau Pinang tidak mampu lagi untuk menampung jumlah air yang banyak dalam satu-satu masa?

J: Secara dasarnya, sistem saliran sedia ada memang tidak mampu untuk menampung jumlah air yang luar biasa. Di Pulau Pinang sendiri, kita mempunyai banyak utiliti lama, yang menyukarkan lagi sistem saliran untuk terus bergerak lancar.

Sebagai contoh, paip utiliti yang menyeberang sungai dan parit utama dibina di paras rendah, yang menyebabkan apabila hujan lebat, air melimpah keluar. Ia sepatutnya dibina tinggi supaya tidak mengganggu kelancaran aliran air. Selain itu, banyak sampah sarap yang terkumpul di sungai menyebabkan rumah-pam tersumbat dan akhirnya rosak. Sedangkan rumah-pam itu adalah tunjang utama dalam sistem saliran air. Sebagai contoh, di Sungai Pinang sahaja kita merekodkan purata 20 tan sampah sebulan yang dibuang di sungai.

J: Ada pihak mendakwa kerajaan negeri lemah dalam proses memberi kelulusan projek, sehingga terjadinya banyak kejadian tanah runtuh semasa musibah banjir. Komen Yang Berhormat?

J: Kerajaan negeri sentiasa mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, di mana pemaaju perlu mendapatkan kelulusan daripada agensi berkaitan. Dakwaan bahawa kerajaan negeri lemah itu adalah tidak benar kerana setiap permohonan perlu mendapatkan ulasan dan kelulusan terlebih dahulu, dan proses itu juga agak rumit dan mengambil masa.

J: Apakah rancangan atau pelan jangka masa pendek kerajaan negeri dalam menghadapi kemungkinan gelombang kedua banjir, yang dijangka berlaku sebelum akhir bulan ini?

J: Kita sudah mengarahkan agensi berkaitan untuk mengambil beberapa langkah seperti membersihkan kembali sungai dan parit utama yang kotor akibat sampah dan pokok tumbang, menjalankan kerja pembaikan struktur kawalan air yang rosak, membaiki beberapa tebing sungai yang pecah seperti di Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan, dan melakukan kerja pengorekan muara sungai. Sebenarnya, kita perlu terima hakikat bahawa dunia sedang berhadapan dengan perubahan cuaca, dan Pulau Pinang juga tidak terkecuali. Kita tidak mampu untuk melawan, tetapi kita berharap sistem amaran banjir dan bantuan daripada agensi ramalan kaji cuaca dapat membantu mengurangkan masalah banjir di negeri ini.



Hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangka masa yang singkat boleh menyebabkan banjir kilat di kawasan cenderung banjir. Selepas fasa peralihan monsun berakhir, negara kita dijangka memasuki monsun timur laut atau musim tengkujuh bermula 13 November ini sehingga Mac 2018"



Hujan memang faktor utama kerana Pulau Pinang dilanda hujan luar biasa yang dipanggil 'hujan 100 tahun'. Pada 5 November itu, stesen hujan kita mencatatkan sehingga 372 milimeter (mm) dalam tempoh 15 jam. Ia bersamaan dengan jumlah hujan selama satu setengah bulan. Purata hujan normal dalam tempoh sebulan hanya 250 mm sahaja"



Banjir yang melanda Pulau Pinang pada 5 November lalu dipercayai adalah yang terburuk kerana membabitkan semua daerah.



D'Yom Herbs luas pasaran



Zaim (kiri) dan Afif optimis bawa produk D'Yom Herbs ke peringkat lebih tinggi.

BERMULA secara kecil-kecilan, produk kesihatan D'Yom Herbs kini semakin menerima permintaan tinggi dalam kalangan masyarakat tempatan, malah bakal meluaskan lagi pasaran di luar negara, terutama di China dan Eropah.

Pengarahnya, Zaim Zainuddin, 29, berkata, D'Yom Herbs mendapat sokongan penuh dari **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** menerusi dana Pengkormesialan Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) oleh **Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)**.

"D'Yom Herbs berada di pasaran sejak tiga tahun lalu dan mendapat permintaan tinggi di Pantai Timur, terutamanya Terengganu. Dari 4,000 botol jualan, D'Yom kini terjual sehingga 40,000 unit dalam tempoh sebulan.

"Alhamdulillah, dengan sokongan penuh dari Mosti dan MTDC, D'Yom mampu pergi lebih jauh," katanya.

Zaim berkata, menerusi geran yang diberikan, syarikat turut menaiktarafkan kilang sedia ada di Batu Pahat, Perlis, bagi melancarkan operasi dan pengeluaran produk. Katanya, kilang tersebut turut mendapat pengiktirafan GMP (Amalan Pengilangan Baik) dan HACCP (Hazard Analysis Critical Control Point) menerusi kerjasama TPM Biotech bagi membawa produk ke tahap yang lebih tinggi.

“Selain penambahbaikan mutu dan kualiti produk, kami juga telah membeli mesin pemprosesan yang lebih canggih. Dengan inovasi baru, kilang kini mampu mengeluarkan 1,000 produk hanya dalam tempoh satu jam, berbanding sebelumnya yang mengambil masa selama sehari untuk jumlah pengeluaran sama,” katanya yang bermula dengan modal RM800,000.

100 peratus bahan semula jadi

Menurut Zaim, D'Yom mempunyai empat rangkaian produk yang terdiri daripada, Neem yang di ekstrak dari daun mambu dah teh hijau, citrus; daun limau purut dan teh hijau, lamutasa; daun beluntas dan teh hijau, Kersen; daun ceri dan teh hijau yang mempunyai pelbagai khasiat dalam membantu meningkatkan kesihatan tubuh badan.

Tumbuhan-tumbuhan yang digunakan itu sangat sinonim dengan tradisi masyarakat dalam menjaga kesihatan secara semula jadi dan khasiatnya telah terbukti menerusi pelbagai kajian saintifik yang dilakukan.

Katanya, D'Yom juga berbeza dari produk sedia ada di pasaran kerana ia dihasilkan dengan menggunakan ekstrak tumbuhan terpilih sahaja, tanpa tambahan atau campuran pemakanan lain. Malah setiap botol D'Yom menggunakan 100 peratus pati tumbuhan semula jadi.



“Ramuan produk ini dihasilkan sendiri oleh bapa saya yang juga pengasas D'Yom, Zainuddin Yom, 55, sejak tahun 1970. Ketika itu, beliau menyediakan sendiri ekstrak tumbuhan dari daun mambu sebagai kegunaan kami sekeluarga dan juga penduduk kampung dalam penjagaan kesihatan.

“Sehinggalah, pada tahun 2013, beliau didatangi seorang sahabat dari Universiti Malaysia Perlis (UMP) yang berminat untuk menjalankan kajian terhadap tumbuhan yang digunakan. Malah hasil kajian membuktikan tumbuhan tersebut sangat membantu dalam penjagaan kesihatan, termasuk penyakit kronik di negara ini.

“Sejak itulah, timbulnya idea untuk kami sekeluarga mengkomersialkan produk ini secara lebih serius,” katanya.

Sementara itu, Pengarah pemasaran D'Yom Herbs, Afif Abd Halim berkata, sebagai permulaan, syarikat mengedarkan 30,000 botol produk D'Yom secara percuma setiap tahun bagi mendapatkan testimoni terhadap kesemua rangkaian produknya. Katanya, dari situlah, syarikat berjaya mengumpulkan pelbagai testimoni yang rata-ratanya berpuas hati dan memuji keberkesanan produk D'Yom.

"Kekuatan D'Yom adalah pada testimoni yang kami terima. Malah keberkesanannya menjadi bualan dari mulut ke mulut. Kebanyakan pelanggan yang menggunakan produk ini, pastinya akan mengulangi pembelian dan mahu menjadi ejen.

"Malah kami juga membuka peluang kepada penduduk kampung untuk menjana pendapatan bersama kami dengan membekalkan pokok-pokok dan tanaman untuk dijadikan ekstrak," katanya.

Diedarkan menerusi koperasi

Mempunyai hampir 2,000 wakil jualan, Afit berkata, D'Yom mendapat kerjasama dari Koperasi AIM Berhad sebagai pengedar utama untuk kesemua rangkaian produk.

Katanya, kerjasama itu memberikan laluan yang mudah untuk memasarkan D'Yom ke seluruh negara selain ke pasaran antarabangsa.

"Menerusi platform sedia ada, produk D'Yom kini sudah berada di China. Kami yakin sedikit masa lagi, D'Yom akan berkembang ke seluruh dunia," katanya.

Selain di koperasi, produk D Yom boleh didapati menerusi laman web www.dyomherbs.com dan Facebook D'yom Herbs.

D'Yom didatangkan dalam dua saiz, iaitu 500ml dengan harga RM156 di Semenanjung dan RM186 di Sabah/Sarawak. Isian 250ml, produk ini dijual dengan harga RM90.



Cuaca buruk terus melanda utara Semenanjung



Ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang diramal berterusan sehingga awal malam ini di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. - Gambar hiasan

PULAU PINANG: Ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang diramal berterusan sehingga awal malam ini di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi** petang ini, cuaca sama juga dijangka melanda selatan Semenanjung dan beberapa daerah Kerian, Larut, Matang, Selama, Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta, Kampar, Muallim .

Selain itu, daerah Batang Padang di Perak serta daerah Cameron Highlands, Lipis, Raub, Bentong dan Temerloh di Pahang serta daerah Jeli, Lojing dan Gua Musang di Kelantan turut diramal mengalami cuaca buruk sama.

Sehingga jam 6 petang ini, beberapa kawasan di Bayan Lepas, dan Seberang Perai Utara dilaporkan hujan.

Maklumat lanjut mengenai laporan ramalan cuaca boleh diperolehi menerusi laman web <http://www.met.gov.my/> atau Facebook atau Twitter Metmalaysia, @malaysianmet.



MENTERI Pertanian dan Sumber Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (dua kanan) menyampaikan sumbangan kepada anak-anak penduduk FELDA selepas merasmikan Majlis Ramah Mesra Agro Bank bersama Masyarakat di Bandar Ketengah Jaya hari ini. - Foto Rosli Ilham

Bantuan petani P Pinang, Kedah akan disegerakan

DUNGUN: Bantuan kepada petani di Pulau Pinang dan Kedah yang terjejas akibat banjir akan disegerakan sebaik perincian akhir selesai dilaksanakan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata kerajaan akan menilai kerugian dialami sebelum bantuan disalurkan kepada mangsa yang dikenal pasti.

"Pihak kementerian sudah membuat lawatan dan siasatan serta membuat anggaran kerugian. ...kini sedang buat perincian akhir sebelum bantuan diberi.

"Perincian ini kita buat kerana tidak semua pesawah perlu diberi pampasan kerana ada setengah daripada mereka belum melakukan kerja penanaman," katanya selepas Majlis Ramah Mesra bersama penduduk di Bandar Ketengah Jaya, di sini, hari ini.

Ahmad Shabery berkata, pihaknya bimbang kerana bencana banjir itu dijangka akan berulang selepas **Jabatan Meteorologi** mengeluarkan amaran gelombang ketiga dan seterusnya.

"Kita juga akan memberi bantuan kepada golongan nelayan sekiranya ada laporan yang menyatakan mereka perlu diberi bantuan akibat bencana yang sama," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sebelum ini mengumumkan bantuan RM9.3 juta kepada 5,941 pesawah untuk tanaman semula padi.

"Bantuan tanaman semula itu membabitkan seramai 5,547 pesawah dengan keluasan seluas 9,680 hektar di Pulau Pinang manakala di Kedah membabitkan 394 pesawah dengan keluasan 835 hektar," katanya.



Amaran buat peruncit, pembekal barangan



Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainuddin berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan hari ini. - Foto Bernama

SELAMA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memberi amaran kepada peniaga agar tidak menyorok bekalan makanan sepanjang musim tengkujuh dan banjir.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, pegawai penguat kuasa KPDNKK diarah membuat pemeriksaan bagi memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi pada musim tersebut.

Beliau berkata, peniaga yang didapati berbuat demikian boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh membawa hukuman denda RM100,000 bagi individu dan RM250,000 bagi syarikat.

"Kita tidak mahu ada peniaga mengaut keuntungan pada musim banjir sehingga ia menyulitkan pengguna.

"Sesiapa didapati sorok barangan akan diambil tindakan tegas," katanya selepas merasmikan Pesta Rakit Larut di Kampung Teluk Mas, Sungai Bayur, hari ini.

Hamzah yang juga Ahli Parlimen Larut berkata demikian ketika diminta mengulas ramalan **Jabatan Meteorologi** musim tengkujuh di Malaysia dijangka bermula Isnin depan hingga Mac 2018 dengan hujan lebat diramalkan berlaku di pantai timur semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Dalam perkembangan berkaitan, Hamzah berkata, beliau juga memohon kerjasama Friends of KPDNKK turun padang membuat pemantauan di setiap kawasan terlibat banjir.

"Ia bagi memastikan tidak ada yang menjual bekalan makanan pada harga melampau," katanya.

Mengulas lanjut, Hamzah berkata, pada masa sama, KPDNKK turut bekerjasama dengan agensi pengurusan bencana negara (Nadma).

"Ia adalah di bawah pengurusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim bagi memastikan bekalan makanan semasa banjir mencukupi," katanya

Thumbs up for Twitter, says Cyber- Security Malaysia

By YUEN MEIKENG

meikeng@thestar.com.my

THE outpouring of sexual harassment accounts under #MeToo have been overwhelming.

This then led social networking site Twitter to take action against tweets crossing the lines of sexual harassment.

Examples of this include upskirt images, hidden camera footages and non-consensual nude photographs.

And users, who share such material with the intent of harassing victims, will be banned for good from Twitter, say news reports.

This move has earned the praise of CyberSecurity Malaysia chief executive officer Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab.

"This is indeed positive action taken by Twitter, in line with our efforts to promote cybersafety awareness and positive Internet usage in Malaysia," he says.

Dr Amirudin hoped other social media platforms will also do more in educating users to practise good online etiquette.

In Malaysia, CSM has received 37 reports of sexual harassment occurring on social media between January and September this year.

But it should be noted that the number of reports appears to be decreasing for the past four years.

From 189 cases in 2014, the number of incidents dropped to 132 the next year.

Last year, 45 cases were reported to the CSM.

Should online users be subject to sexual harassment, Dr Amirudin urges them to report it to the police and to CSM's help centre, Cyber999 or Malaysian Computer Emergency Response Team (MyCERT).

"If this happened to you, we want to know so that we can come out with best practices to prevent others from falling victim to perpetrators," he says.